SAMPEL PERCUMA

Kertas Percubaan STPM Semester 3 Sejarah

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

SULIT*

Bahagian A : *Sejarah Malaysia*
[40 markah]

*Jawab **dua** soalan sahaja.*

1. Bincangkan bentuk pelaksanaan Adat Perpatih dan Adat Temenggung di Tanah Melayu pada abad ke-19. [20]

2. Bincangkan faktor perluasan kuasa asing di negeri-negeri Melayu pada abad ke-19. [20]

3. Huraikan bentuk pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia sejak tahun 1957. [20]

Bahagian B : *Sejarah Asia Tenggara*
[40 markah]

*Jawab **dua** soalan sahaja.*

4. Huraikan peranan raja Vietnam dalam aspek politik, ekonomi dan sosial sebelum penjajahan Perancis. [20]

5. Sejauhmanakah faktor politik dikatakan telah membawa kepada campur tangan British di Myanmar pada abad ke-19. [20]

6. Huraikan sistem pemerintahan raja berperlembagaan yang diamalkan di Thailand pada abad ke-20. [20]

SULIT*

Bahagian A : *Sejarah Malaysia*
[40 markah]

*Jawab **dua** soalan sahaja.*

1. Huraikan prinsip umum Undang-Undang Tubuh Johor dalam mengekalkan kestabilan sosiopolitik di Johor pada abad ke-19. [20]

2. Bincangkan perubahan sistem pendidikan di negeri-negeri Melayu akibat campur tangan British pada abad ke-19. [20]

3. Bincangkan usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan bagi mewujudkan Pembangunan sosial melalui pelaksanaan Bahasa Kebangsaan sejak tahun 1957. [20]

Bahagian B : *Sejarah Asia Tenggara*
[40 markah]

*Jawab **dua** soalan sahaja.*

4. Bincangkan struktur sosial masyarakat di Vietnam sebelum campur tangan Barat pada abad ke-19. [20]

5. Huraikan faktor peluasan kuasa Belanda di Indonesia pada abad ke-19. [20]

6. Huraikan sumbangan Presiden Diosdado Macapagal di Filipina dari tahun 1961 hingga tahun 1965. [20]

BAHAGIAN A

1. Bincangkan struktur sosial golongan diperintah di Negeri-negeri Melayu sebelum campur tangan British pada abad ke-19 Masihi. (20m)

A. PENGENALAN

a. Secara umumnya masyarakat Melayu tradisional merupakan sebuah masyarakat feudal dan bercorak hierarki yang dapat dibahagikan kepada 2 golongan iaitu golongan pemerintah dan golongan diperintah.
b. Golongan pemerintah terdiri daripada raja atau sultan, pembesar dan ulama.
c. Golongan diperintah pula terdiri daripada rakyat biasa yang merdeheka dan hamba. Mereka merupakan kelas bawahan yang taat setia dan bilangannya ramai.
d. Namun rakyat mempunyai kuasa mobiliti yang tersendiri yang tidak dapat disekat oleh golongan pemerintah.
e. Seterusnya wujud hubungan timbal balas antara golongan pemerintah dan golongan diperintah.

B. ISI-ISI UTAMA

1. Rakyat Biasa

a. Rakyat biasa yang bermastautin tetap dan menjadi pengikut setia kepada pembesar yang mentadbir daerah dan jajahan
b. Ketaatan kepada sultan ialah mutlak dan tidak berbelah bagi. Mereka rela dengan amalan sistem serah seperti bekerja di tanah pembesar tanpa mendapat upah dan sistem kerah seperti menjadi bala tentera dan mendirikan istana
c. Dalam bidang ekonomi mereka menjalankan kegiatan bertani, berdagang, menangkap ikan, melombong dan menjadi tukang mahir. Tiada dorongan perubahan diri untuk bekerja keras dalam bidang ini kecuali kerja-kerja demi kepentingan raja.
d. Rakyat biasa sesebuah kampung selalunya mempunyai pertalian kekeluargaan dan mengamalkan tradisi hidup secara bergotong-royong, bekerjasama dan bermuafakat.
e. Amalan ini mewujudkan keharmonian dan membantu pembesar mentadbir sesebuah daerah atau kampung itu dengan lebih teratur dan berjaya

2. Orang Asing/ Rakyat Asing

a. Merupakan orang bukan Melayu dan datang ke Tanah Melayu hanya untuk tujuan tertentu. Tinggal sementara sahaja dan akan pulang ke negara asal setelah urusan mereka selesai.
b. Terdiri daripada pedagang, perantau, santeri (orang merantau kerana menuntut ilmu) dan mubaligh.
c. Rakyat asing boleh dibahagi kepada 2 kumpulan:
    i. melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan sosial seperti menjadi tentera upahan dan kebanyakan mereka berasal dari Jawa dan Pasai.

ii. melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi seperti peniaga runcit, pemborong dan pelombong.

d. Masyarakat Tamil Islam merupakan kumpulan yang paling ramai dan mereka hidup bebas dan bergaul dengan penduduk peribumi

e. Rakyat asing ini tidak diwajibkan mengamal dan mematuhi tradisi kebudayaan tempatan. Walaupun demikian mereka masih tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan.

3. Hamba

a. Terbahagi kepada hierarki yang berbeza taraf kedudukan antara mereka. Hamba tidak boleh bertindak mengikut kemahuan sendiri kerana dikawal oleh peraturan dan perintah yang ditentukan oleh pemilik(tuan) mereka.

b. Antara jenis hamba:
   i. Hamba raja (biduanda) – paling tinggi kedudukannya. Akan dibebaskan dengan kerelaan raja.
   ii. Hamba berhutang – orang berhutang, anak emas, hamba waris, hamba bayar. Hamba abdi dan hamba berhutang akan berkhidmat untuk tuannya sebagai pengikut manakala sebahagiannya akan terlibat dengan pekerjaan dalam rumah.
   iii. Hamba abdi – hamba tawanan, hamba diranggah, hamba habsyi, hamba hulur, hamba serah dan anak hamba.

c. Antara peranan hamba:
   i. menyediakan tenaga kerja manusia bagi melakukan pelbagai aktiviti dalam masyarakat.
   ii. menyumbang tenaga bagi menambah harta tuan
   iii. menjadi pegawai kepada tuannya
   iv. menjadi lambang ketinggian taraf sosial golongan yang memiliki hamba.

C. KESIMPULAN

a. Golongan yang diperintah memberikan ketaatsetiaan yang sepenuhnya kepada pemerintah sama ada sultan ataupun pembesar.

b. Manakala golongan pemerintah akan memberikan kepimpinan dan jaminan keselamatan kepada rakyat.

c. Di sinilah wujudnya hubungan timbal balik di antara golongan pemerintah dan yang diperintah dalam struktur sosial masyarakat di negeri-negeri Melayu sebelum campur tangan British pada abad ke-19 masihi.

Catatan Pemeriksa: Calon perlu menghuraikan struktur golongan diperintah sahaja mengikut hierarki.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar